



**MEMORANDUM KEPADA PELAJAR-PELAJAR  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) SEPANJANG TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI NEGERI  
KELANTAN DARI 21 NOVEMBER HINGGA 6 DISEMBER 2020**

**Rujukan:**

- A) **SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang disediakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) - kemaskini pada 14 November 2020;**
  - B) **SOP Pengurusan Operasi Institusi Pendidikan Tinggi Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Wabak COVID-19 – kemaskini pada 22 Oktober 2020; dan**
  - C) **Pekeliling Pentadbiran Bil.29/2020 : Langkah Kawalan Bagi Pencegahan Penularan Wabak COVID-19 di Semua Kampus Universiti Malaysia Kelantan bertarikh 6 Oktober 2020.**
1. Selaras pengumuman PKPB yang dilaksanakan di seluruh Negeri Kelantan bermula 21 November – 6 Disember 2020 berikutan peningkatan kes positif COVID-19, berikut adalah maklumat penting untuk perhatian pelajar-pelajar UMK :

**1.1 Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP):**

- Semua aktiviti PdP secara bersemuka adalah **TIDAK DIBENARKAN** semasa PKPB sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan oleh Kerajaan.
- Semua aktiviti PdP perlu dilaksanakan secara dalam talian.

**1.2 Aktiviti Penyelidikan :**

- **DIBENARKAN** untuk aktiviti penyelidikan yang hanya dapat dijalankan dengan kehadiran secara fizikal kerana memerlukan peralatan khusus.

### **1.3 Aktiviti Pelajar:**

- Pelaksanaan aktiviti pelajar yang dilakukan secara dalam talian atau platform digital adalah **DIBENARKAN**;
- Aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan, sukan dan kokurikulum yang dilaksanakan secara bersemuka dan berkumpulan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

### **1.4 Aktiviti Sukan dan Riadah:**

- Aktiviti sukan dan rekreasi yang tidak bersentuhan fizikal (*indoor* dan *outdoor*) dan dijalankan secara individu tidak melebihi 10 orang seperti berjalan, *jogging*, berbasikal, senamrobik kendiri, *hiking*, memancing dan lain-lain di dalam kawasan PKPB sahaja adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi SOP Sektor Sukan dan Rekreasi;
- Semua aktiviti sukan dan riadah perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh MKN yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

### **1.5 Aktiviti Keagamaan:**

- Aktiviti di masjid dan surau **DIBENARKAN** dengan mematuhi had kehadiran dan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Aktiviti di rumah ibadat bukan Islam **DIBENARKAN** dengan had kehadiran ditetapkan oleh MKN/KKM/Kerajaan Negeri.

2. Untuk tujuan keselamatan, pelajar yang menginap di Kolej Kediaman **TIDAK DIGALAKKAN** keluar dari kawasan Kolej Kediaman kecuali atas sebab-sebab tertentu atau kecemasan/penting untuk berbuat demikian. Sebarang pergerakan keluar masuk Kolej Kediaman hendaklah direkodkan dengan Pengawal Keselamatan di Pos Keselamatan yang berada di pintu masuk setiap kampus. Sekiranya ada pelajar yang melanggar arahan ini, pihak UMK tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini (termasuk ditahan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 –Akta 342).
3. Walaupun makan di kafetaria / kedai makan adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi SOP PKPB yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), para pelajar adalah lebih **DIGALAKKAN** membeli makanan untuk bawa pulang (*take away*) dan penghantaran (*delivery*) atau pandu lalu.

## **Peranan dan Tanggungjawab Pelajar Sepanjang Tempoh PKPB:**

1. Semua pelajar yang berada di Kolej Kediaman UMK **DIWAJIBKAN** untuk mengimbas kod QR MySejahtera atau menulis dalam buku rekod keluar masuk pelajar setiap kali keluar dan memasuki kawasan Kolej Kediaman.
2. Semua pelajar yang berada di rumah sewa sekitar kampus UMK **TIDAK DIBENARKAN** memasuki kawasan kampus **MELAINKAN** untuk mendapatkan capaian internet bagi tujuan pembelajaran secara online sahaja.
3. Semua pelajar yang bergejala **TIDAK DIBENARKAN** memasuki kawasan kampus dan dinasihatkan terus mendapatkan rawatan di Pusat Kesihatan Universiti mengikut kampus atau Klinik Kesihatan berdekatan.
4. Semua pelajar juga **DIWAJIBKAN**:
  - 4.1 Memakai pelitup muka sepanjang masa berada di kampus;
  - 4.2 Mengimbas Kod QR MySejahtera di pintu masuk utama dan lokasi yang dituju;
  - 4.3 Mengimbas suhu badan sendiri melalui alat UMK VISS yang disediakan (sekiranya suhu melebihi 37.5° celcius sila ke PKU dengan segera);
  - 4.4 Menjalani penjarakan sosial melebihi 1 meter antara individu sepanjang masa; dan
  - 4.5 Sentiasa membersihkan tangan dengan *Hand sanitiser* atau dengan air dan sabun.
5. Pelajar juga **TIDAK DIBENARKAN** untuk berkunjung ke **MANA MANA DAERAH YANG DIKATEGORIKAN SEBAGAI ZON JINGGA, ZON MERAH ATAU PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**.
6. Semua pelajar diminta mematuhi SOP PKPB (*kemaskini 14 November 2020*) sepanjang tempoh PKPB ini berkuatkuasa.
7. Semua pelajar dipohon mendapatkan maklumat daripada sumber yang betul dan elakkan daripada menularkan berita-berita yang tidak diketahui kesahihannya sehingga mencetuskan situasi panik dikalangan pelajar UMK dan masyarakat.

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
22 NOVEMBER 2020**